

**Tarikh dibaca: 1 Syawal 1445H**



**جَبَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

# **KHUTBAH IDULFITRI**

**Tajuk:**

**“KEMENANGAN DI PAGI SYAWAL”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## “KEMENANGAN DI PAGI SYAWAL”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ

الْكَافِرُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الْفَاسِقُونَ، وَلَوْ كَرِهَ الظَّالِمُونَ. لَا إِلَهَ إِلَّا

اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ

الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ

الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الْعِيدَ عِيدَ الدِّينِ وَالْعِبَادَةِ، لَا مِنْ

عَمَلِ الدُّنْيَا وَمَنَاهِجِ الْعَادَةِ، لِشُكْرِهِ عَلَى آدَاءِ الصَّوْمِ الَّذِي

بِهِ السَّعَادَةُ، فَهُوَ مِنْ مَوَاسِمِ الدِّينِ لِلْمُسْلِمِينَ، وَمِنْ



مَظَاهِرِ الْإِبْتِهَاجِ لِبَطَاعَةِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: **وَجُوهٌ**

**يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ** ﴿٢٢﴾ إِلَى رَبِّهَا نَازِرَةٌ ﴿٢٣﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، خَلَقَ الْخَلْقَ  
فَقَدَّرَ، وَيَسِّرَ الْعَالَمَ وَدَبَّرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، رَغَبَ الطَّائِعِينَ وَبَشَّرَ، وَهَدَدَ الْعَاصِينَ وَأَنْذَرَ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْأَبْرَارِ وَسَلَّم  
تَسْلِيمًا كَثِيرًا، **أَمَّا بَعْدُ**،

فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، **أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ**  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: **يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ**  
**حَقَّ تَقَاتِهِ** وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾<sup>2</sup>

**اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ**

**Hadirin muslimin-muslimat yang dikasihi Allah sekalian,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Pada hari ini, marilah kita bergembira dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Allah SWT telah memberikan kesempatan kepada kita untuk

<sup>1</sup> al-Qiyamah: 22-23.

<sup>2</sup> ali-Imran : 102.



menyambut Eidulfitri pada tahun ini, hari yang amat berbahagia kepada seluruh mukminin kerana telah berjaya menunaikan kefardhuan puasa sepanjang Ramadhan dengan sempurna, telah berjaya menundukkan hawa nafsu, melatih diri dengan memperbanyakkan dan meningkatkan kualiti amal soleh dan meninggalkan perbuatan yang dilarang.

Khutbah Eidulfitri pada kali ini bertajuk, **"KEMENANGAN DI PAGI SYAWAL"**

**Hadirin Muslimin-Muslimat yang dikasihi Allah Sekalian,**

Eidulfitri bukan sekadar hari kegembiraan bagi umat Islam, bahkan ia adalah hari kemenangan di atas pengampunan dosa-dosa bagi orang-orang yang berpuasa atas dasar keimanan dan keikhlasan kepada Allah SWT serta mereka yang bangun pada malam harinya melakukan ketaatan dengan dorongan dan dasar keimanan, kehambaan, meyakini keagungan syariat dan fadhilahnya dan berharap akan keredhaan Allah SWT semata-mata. Dalam hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ

ذَنْبِهِ

*"Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan (ikhlas, ketelusan hati) maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu."*

*(Riwayat al-Bukhari & Muslim).*



Sesungguhnya, Eidulfitri adalah kemenangan kembali kepada fitrah dan tujuan sebuah kehidupan manusia. Fitrah melaksanakan ketaatan semata-mata kerana Allah SWT, mendirikan solat pada waktunya, berpuasa pada bulan Ramadhan sebagai bulan tarbiyah baginya, beribadah di malam hari berbicara memohon keampunan dan redha Ilahi, bersedekah pada waktu susah mahupun senang kerana rezeki dan kematian itu sudah ditentukan di azali. Eidulfitri juga adalah hari kemenangan kerana Ramadhan telah mendidik untuk kita menjaga dan membina hubungan erat dengan Allah SWT dan menjaga hubungan baik sesama manusia.

Eidulfitri adalah hari kemenangan, kegembiraan dan kesyukuran seorang hamba Allah SWT terhadap kepayahan dan kesabaran melakukan amal soleh. Mudah-mudahan kemenangan besar itu adalah suatu kegembiraan yang dikhabarkan Rasulullah SAW iaitu di waktu bertemu dengan Allah SWT, sebagaimana dijelaskan dalam hadis Qudsi, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَلِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ: فَرْحَةٌ حِينَ يُفْطِرُ، وَفَرْحَةٌ حِينَ يَلْقَى رَبَّهُ

*"Bagi orang yang berpuasa dia memperolehi dua kegembiraan. Pertama, kegembiraan ketika dia berbuka puasa dan kedua kegembiraan ketika dia bertemu dengan Tuhannya."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Sesungguhnya, setiap Mukmin di akhirat kelak akan merasakan bahagia dan gembira menanti hasil ganjaran ibadah puasa yang dilaksanakan kerana Allah SWT menjanjikan dengan pahala besar atau



ganjaran istimewa. Orang yang berpuasa kerana Allah SWT disambut memasuki Syurga melalui pintu al-Rayyan sepertimana hadis yang diriwayatkan daripada Sahl bin Saad Radhiallahanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

"إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ، يَدْخُلُ مِنْهُ  
الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ يُقَالُ  
أَيْنَ الصَّائِمُونَ فَيَقُومُونَ، لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ، فَإِذَا  
دَخَلُوا أُغْلِقَ، فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ "

*"Sesungguhnya di syurga terdapat sebuah pintu yang dipanggil al-Rayyan. Orang yang berpuasa akan masuk melaluinya pada hari kiamat. Tidak ada seorang pun dapat memasukinya melainkan orang yang puasa. Akan dipanggil: Di mana orang-orang yang berpuasa. Maka mereka (yang berpuasa) akan bangun, tidak ada yang melalui pintu itu selain mereka. Apabila mereka sudah masuk, maka pintu ditutup. Dan tiada seorang pun dapat memasukinya lagi.*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Mudah-mudahan setiap kita dapat bertemu dengan Allah SWT di akhirat kelak dengan hati penuh kegembiraan serta wajah yang berseri-seri sebagaimana maksud firman Allah SWT dalam surah al-Qiamah ayat 22-23:

*"Pada hari akhirat itu muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri; Melihat kepada Tuhannya."*



## اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Muslimin-Muslimat yang dirahmati Allah SWT,**

Eidulfitri adalah hari kemenangan setelah seorang Mukmin menjalani riadah atau latihan dalam membina, mempertaut serta memperkukuh hubungan dirinya dengan Allah SWT dan sesama manusia. Maka, Syawal dan bulan-bulan seterusnya perlu memperlihatkan dan membuktikan seorang Mukmin dengan keimanan yang kuat dan keikhlasan diri, terus dapat meletakkan kedudukannya di dunia untuk kebahagiaannya di akhirat. Menjaga dengan baik hubungannya dengan Allah SWT dengan taat dan yakin tanpa berbelah bagi. Begitulah kita hendaklah terus menjaga hubungan sesama manusia dan makhluk yang lain dengan penuh kasih sayang, rahmah, bersangka baik dan sentiasa berusaha menyelamatkan orang lain dari dosa dan kemurkaan Allah SWT dengan cara yang berhikmah. Seorang Mukmin tidak hanya melaksanakan kebaikan atau meninggalkan keburukan hanya pada anggota badan tetapi dibenarkan dengan hati sanubarinya. Perintah Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 120:

وَذَرُوا ظَهْرَ الْإِثْمِ وَبَاطِنَهُ ۗ إِنَّ الَّذِينَ يَكْسِبُونَ الْإِثْمَ سَيُجْزَوْنَ

بِمَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿١٢٠﴾

*“Dan tinggalkanlah kamu dosa yang nyata (zahir) dan yang tersembunyi (batin). Kerana sesungguhnya orang-orang yang berusaha melakukan dosa mereka akan dibalas dengan apa yang mereka telah lakukan.”*



Syawal dan pada bulan seterusnya, marilah kita istiqamah dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan berbuat dosa. Rasulullah SAW mengingatkan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Sesiapa yang tidak dapat meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya, maka tiada makna di sisi Allah dia meninggalkan makanan dan minumannya.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Dengan itu, seseorang yang melaksanakan ketaatan terhadap tuntutan keislaman dan keimanannya tidak akan berdusta, menfitnah saudara seislamnya, mengambil suatu yang bukan haknya dengan pelbagai cara yang keji dan zalim. Sebagai manusia yang lemah, terlupa dan dikelilingi hasutan syaitan dan tuntutan hawa nafsu, maka turuti setiap kesalahan dan dosa yang dilakukan dengan mengerjakan kebaikan demi kebaikan. Sesungguhnya amal-amal kebajikan itu menghapuskan kejahatan.

Mulakan Syawal dengan ibadah-ibadah seperti di bulan Ramadhan dengan *zikrullah*, membaca al-Quran, berdoa, beriktikaf dan berqiamullail. Ibadah sunat diterus dan ditingkatkan di samping pelaksanaan ibadah-ibadah yang wajib. Teruskan melazimi masjid atau surau untuk berjemaah kerana keimanan dan keyakinan akan fadhilahnya serta ikhlas kerana Allah SWT. Berilah masa untuk membaca al-Quran dan memahaminya. Jadilah mukmin sebenar dengan keazaman yang kuat agar kita dapat terus beramal, istiqamah dengan ketaatan dan mencari keredhaan Allah SWT.





## اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **Saudaraku! Muslimin dan Muslimat yang dikasihi Allah SWT,**

Dalam aspek hubungan manusia sesama manusia, dikesempatan Syawal ini, saling berkunjunglah sesama jiran dan sanak saudara atas dasar tuntutan agama, keimanan dan ketaatan untuk menjaga hubungan kejiwaan dan penerusan hubungan silaturahim. Dengan keimanan yang teguh dan kerana tuntutan agama, bertolak ansurlah sesama jiran dan janganlah memutuskan tali silaturahim. Sekiranya dicemuh, dicaci, dilempar dengan kata-kata kotor, dicabar atau diperbodohkan, maka hadapilah dengan kesabaran yang tinggi dari awal lagi kerana bersabar itu adalah tuntutan agama. Mereka yang beriman dan yakin dengan ketetapan Allah SWT akan menjadikan arahan dan tegahan agama sebagai cara hidupnya akan sentiasa mengawal emosi, kata-kata, reaksi dan tingkah lakunya dalam apa juga keadaan. Orang Islam yang dididik oleh Ramadhan akan bangga memiliki sifat bertimbang rasa, bertolak ansur, sabar dan memberi penghormatan kepada manusia di sekeliling.

Syawal mendidik untuk umat Islam terus menjaga dan mengambil berat kebajikan terhadap saudara seagamanya. Maka teruskan untuk menunaikan kewajipan berzakat dan bersedekah ketika dalam senang dan kepayahan. Dengan itu, sempena Idulfitri yang mulia usahakan untuk menghulurkan sesuatu yang dapat menimbulkan perasaan gembira kepada kaum keluarga, saudara mara, jiran tetangga atau sesiapa sahaja. Sesungguhnya pemberian yang terbaik adalah kepada kaum keluarga terdekat. Rasulullah SAW bersabda sebagaimana diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahuanhu:



مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، أَوْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ،  
فَلْيَصِلْ رَحْمَتَهُ

“Sesiapa yang suka untuk diluaskan baginya rezeki dan dipanjangkan umurnya maka sambungkanlah silaturahim.”

(Riwayat al-Bukhari).

Tibanya Syawal dan berlalunya Ramadhan pasti telah membentuk suasana, situasi atau persekitaran yang baik (*biah solehah*). Lazimnya setiap kita akan terdorong bahkan berlumba-lumba beramal ibadah apabila melihat orang lain beramal ibadah. Dengan itu, marilah sama-sama kita bekerjasama menyuburkan *biah solehah* atau persekitaran yang baik sebagaimana yang terbentuk sepanjang Ramadhan. Mudah-mudahan anak-anak, keluarga dan masyarakat kita sentiasa terdorong kepada perkara yang makruf dan benci terhadap perkara yang mungkar.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

**Muslimin dan Muslimat yang dikasihi dan dirahmati Allah SWT,**

اللَّهُ أَكْبَرُ، Allah Maha Besar

Mengakhiri khutbah Idulfitri pada tahun ini marilah kita menghayati dan mengambil pedoman terhadap perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah memahami bahawa Syawal merupakan titik perubahan menyeluruh terhadap gaya hidup diri kita, keluarga dan masyarakat kepada kehidupan yang direndhai Allah SWT.



2. Umat Islam hendaklah konsisten dalam pemeliharaan solat fardhu, dengan bersegera ke masjid, melaksanakan amalan-amalan sunat, tidak melalaikan bacaan al-Quran, melaksanakan solat malam, bersedekah dan berpuasa sunat.

3. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa *biah solehah* atau persekitaran yang baik mampu untuk mendorong diri, keluarga dan masyarakat agar sentiasa gemar kepada yang makruf dan bencikan kemungkaran serta kemaksiatan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا وَمَا تُقَدِّمُوا  
لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا  
وَاسْتَغْفِرُوا لِلَّهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢٠﴾

*“Dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya. Dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

(Surah Al-Muzammil: 20)



بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
الْحَمْدُ لِلَّهِ مُعِيدِ الْجَمْعِ وَالْأَعْيَادِ، وَمُبِيدِ الْأُمَمِ وَالْأَجْنَادِ،  
وَجَامِعِ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ، إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُفَضَّلُ عَلَى جَمِيعِ الْعِبَادِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ التَّنَادِ، وَسَلَّمْ تَسْلِيمًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Muslimin dan Muslimat yang dihormati sekalian,**

Islam mensyariatkan kepada kita agar menyambut hari raya mengikut aturan supaya ianya menjadi ibadah dan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Sesungguhnya Eidulfetri dan Eiduladha adalah perayaan umat Islam yang disyariatkan bagi menggantikan dua perayaan masyarakat



jahiliah sebelum kehadiran Rasulullah SAW. Hadis yang diriwayatkan daripada Anas Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبَدَلَكُمْ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا يَوْمَ الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفِطْرِ

*“Sesungguhnya Allah telah menggantikan bagi kamu sekalian dua hari tersebut dengan dua hari yang lebih baik daripada kedua-duanya iaitu Eiduladha (Hari Raya Haji) dan Idulfitri (Hari Raya Puasa).”*

*(Riwayat Abu Daud).*

Dengan berpakaian yang baharu, cantik dan bersih marilah kita mengungkapkan rasa syukur serta takzim kepada Allah SWT dengan takbir, tahlil, tasbih dan tahmid. Sesungguhnya berpakaian baharu, cantik dan bersih adalah sebahagian bentuk manifestasi kesyukuran kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Dhuha ayat 11:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

*“Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya.”*

Seterusnya, balik daripada menunaikan solat Idulfitri ini marilah kita melalui jalan yang berlainan sewaktu hadir sambil ziarah menziarahi, bermaaf-maafan dan hindari pembaziran. Paling penting keceriaan Idulfitri tidak disambut dengan perkara maksiat, keji dan mungkar.

Kemudian, setelah berlalunya Idulfitri marilah sama-sama kita meneruskan momentum Ramadhan dengan pelaksanaan puasa sunat 6 hari



di bulan Syawal sebagaimana tuntutan Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abu Ayub al-Ansari Radhiallahuanhu;

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ  
الدَّهْرِ

*"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dan diikuti dengan puasa enam hari di bulan Syawal maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun."*

*(Riwayat Muslim).*

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ  
صَاحِبِ الْمَقَامِ الْمَحْمُودِ وَالْحَوْضِ الْمَوْرُودِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ



الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغَكُو اَمِيْر شَاهِ اِبْنِ  
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظُفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيْرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ

عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.





اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَالِ  
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ

\*\*\*\*\*